

17 JUN 2000

DR MAHATHIR BERKATA NEGARA MEMBANGUN PERLU BEKERJASAMA

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah perlu bagi negara-negara membangun untuk bekerjasama atas prinsip pendirian bersama bagi memerangi dasar-dasar diskriminasi yang dikenakan negara maju terhadap mereka.

Perdana Menteri berkata adalah jelas bahawa negara-negara maju berpakat menentang negara membangun termasuk negara anggota kumpulan G15.

"Semua dasar yang digubal mereka (negara maju) adalah bertujuan untuk mengeksploitasi negara-negara membangun," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan MCA ke-47 di ibu pejabat parti itu di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa ditanya mengenai harapan beliau terhadap mesyuarat G15 di Kaherah dan relevannya kepada Malaysia dengan pemulihan ekonomi yang semakin kukuh.

Dr Mahathir akan berlepas ke ibu negara Mesir itu malam ini bagi menghadiri mesyuarat berkenaan.

-- BERNAMA

ARA RON